

# WADAH

## Penyelidikan Dan Inovasi

PUSAT PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN DAN INOVASI  
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA



Terbitan Dwi Tahunan

Bil 2/2016



### *Dari Meja Ketua Editor*

Salam sejahtera dan salam sehati sejiwa. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi, Wadah Penyelidikan & Inovasi bilangan 2 bagi tahun 2016 ini dapat diterbitkan lagi. Ucapan terima kasih ditujukan kepada rakan-rakan yang sudi menyumbangkan bahan dan laporan untuk dimuatkan di dalam wadah ini. Semoga wadah ini dapat dijadikan santapan minda serta memberi manfaat kepada pembaca semua khususnya warga IPG. Kami juga mengalu-alukan pandangan daripada pembaca semua untuk meningkatkan lagi kualiti penerbitan ini.

Sekian, terima kasih.

*~ Norsita binti ALi ~*

### Kandungan

- 3 Kamus Digital-F
- 4 Pameran Antarabangsa Reka Cipta ke Geneva
- 5 Karnival Permainan Tradisional
- 6 Bengkel Latihan Penggunaan Perisian SPSS
- 7 Bengkel Latihan Penggunaan Perisian Nvivo
- 8 Pertandingan Inovasi Pendidikan 2016
- 9 Lawatan Balas & Seminar Pendidikan Nusantara 2016
- 10 Pertandingan Kreativiti & Inovasi (CIC) 2016
- 11 Seminar Penyelidikan Tindakan Pendidik Guru 2016

# TINTA BICARA REKTOR

## INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA



Assalamualaikum w.b.t, Salam Sejahtera dan Salam Sehati Sejiwa

Alhamdulillah dengan rahmat Allah swt, Wadah Penyelidikan dan Inovasi Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) Bil. 2/2016 dapat dihasilkan dengan sempurna. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua pihak khususnya sidang editor yang komited merealisasikan tugas sebagaimana yang dirancang. Pada dasarnya Wadah Penyelidikan dan Inovasi ini diterbitkan sebagai cerminan aktiviti yang telah dilaksanakan oleh Institut Pendidikan Guru dan ia juga merupakan refleksi atas usaha-usaha yang dibuat oleh Pusat Pembangunan dan Penyelidikan Inovasi IPGM.

Pendidikan abad ini sangat penting dan mesti berupaya melahirkan pelajar yang kreatif dalam menyelesaikan masalah dan boleh berfikir secara kritis dan analitis. Penghasilan Inovasi Kamus Digital-F oleh pensyarah IPG Kampus Raja Melewar yang telah memenangi pingat gangsa dalam Pertandingan Inovasi Malaysia *International Design Expo & Awards* 2016 dan Pameran Antarabangsa Reka cipta ke Geneva merupakan

antara bukti kesungguhan dan iltizam warga IPG dalam memastikan Institut Pendidikan Guru sentiasa relevan sebagai sebuah institusi yang mampu melahirkan guru-guru yang inovatif dan kreatif sama ada dalam pengajaran dan pembelajaran atau pengurusan pendidikan. Inilah contoh keperluan kepada perubahan baharu yang menekankan peri pentingnya maklumat, kreativiti dan inovasi dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat sebagaimana slogan: "Kreativiti Landasan Gagasan Transformasi".

Akhir kata, saya berharap Wadah Penyelidikan dan Inovasi ini boleh dijadikan panduan dan rujukan dan usaha murni ini menjadi ruang bagi menonjolkan kejayaan warga IPG dalam menghasilkan penyelidikan dan inovasi secara berterusan seterusnya mampu membentuk budaya yang memberi kesejahteraan hidup sejahtera.

*Dr. Azian T. S. Abdullah*

## BINGKISAN KASIH SETULUS INGATAN

### PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN DAN INOVASI (PPPI)

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Sehati Sejiwa

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah swt kerana dengan izin-Nya, Wadah Penyelidikan dan Inovasi IPGM Bil. 2/2016 dapat diterbitkan seperti yang dijadualkan. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua pihak khususnya sidang editor yang komited menjayakan penerbitan buat kali kedua ini.

Produktiviti yang digabungkan antara kreativiti dan inovasi mampu melonjakkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan. Oleh itu, Wadah Penyelidikan dan Inovasi ini yang memuatkan laporan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan di IPG bagi tahun 2016 seperti Karnival Permainan Tradisional, Bengkel Latihan Penggunaan Perisian SPSS dan Nvivo, Pertandingan Inovasi Pendidikan 2016, Lawatan Balas & Seminar Pendidikan Nusantara 2016 Kamus Digital-F dan Pameran Antarabangsa Reka cipta ke Geneva.

Harapan saya agar usaha ini tidak bernoktah di sini sahaja dan tidak hanya sekadar menjadi bahan tatapan atau koleksi semata-mata malahan dijadikan sebagai ruang untuk menampilkan usaha dan kejayaan warga IPG dalam menghasilkan penyelidikan dan inovasi secara berterusan selain mampu membentuk budaya kerja yang memberangsangkan. Justeru, saya juga mengharapkan agar penerbitan Wadah Penyelidikan dan Inovasi dijadikan sebagai satu sarana untuk warga IPG menilai hasil keringat yang telah dicurah dan menjadi asas rujukan dalam merancang dan mengatur program pada masa akan datang.


Akhir kata, diharapkan agar warga IPG agar terus konsisten dalam melaksanakan dan menjiwai setiap tugas yang diamanahkan.

Sekian , Terima Kasih

*Dr. Rusmini binti Ku Ahmad*



# INOVASI KAMUS DIGITAL-F



Kamus Digital-F dihasilkan oleh pensyarah IPG Kampus Raja Melewar yang telah memenangi pingat gangsa dalam Pertandingan Inovasi Malaysia *International Design Expo & Awards 2016* anjuran Protemp Exhibition & Expo Sdn. Bhd. pada 17-20 Februari 2016 di *Putra World Trade Centre (PWTC)*.

Kamus Digital-F dicipta sebagai rujukan semua golongan masyarakat untuk menterjemah bahasa digital yang digunakan dalam media sosial secara maya. Kamus ini terdiri daripada dua versi, iaitu secara salinan keras (*hardcopy*) dan secara perisian (*softcopy*). Kamus ini boleh dijadikan panduan oleh sesiapa sahaja untuk merujuk maksud sesuatu singkatan, akronim, simbol ataupun emotikon yang digunakan dalam perbualan di media sosial.

Antara kelebihan dan manfaat penggunaan Kamus Digital-F ini adalah ia mudah digunakan serta mempunyai nilai komersial yang tinggi. Kekuatan pasaran dan potensi pemasaran juga adalah tinggi. Kamus Digital-F amat diperlukan sebagai rujukan semua lapisan masyarakat, selari dengan perkembangan Bahasa digital yang digunakan secara meluas kini yang berkemungkinan memberi kesan kepada penggunaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris Standard.

Oleh: Dr. Faridah binti Nazir  
IPG Kampus Raja Melewar





## PAMERAN ANTARABANGSA REKA CIPTA KE GENEVA IPG KAMPUS ILMU KHAS

*Saya optimis kedua-dua inovasi diketengahkan warga IPGKIK dalam IEIG akan membuka mata masyarakat dunia mengenai kemampuan rakyat kita menghasilkan inovasi*

**Dr. Roziah Abdullah**  
Pengarah IPGKIK

IPG Kampus Ilmu Khas (IPGKIK) telah mencatat sejarah sebagai IPG pertama dalam kalangan 27 IPG seluruh negara yang menyertai Pameran Antarabangsa Reka Cipta di Geneva, Switzerland (IEIG) menerusi inovasi Set Tenpin Boling *Marker* dan *Waco Pen*. Penyertaan IPGKIK dalam pameran reka cipta antarabangsa berprestij itu berikutan kemenangan pingat emas dan hadiah khas juri bagi dua produk tersebut dalam Ekspo Teknologi Malaysia pada Februari 2016 yang lepas.

Muhammad Ammar Ibrahim Istar menjadi pelajar cacat penglihatan pertama mewakili negara ke pameran ini menerusi inovasi set alat bantu bermain boling bagi orang buta. Set Tenpin Boling *Marker* mampu membantu pemain meningkatkan ketepatan balingan dan mengelakkan kesilapan memijak garisan batal ketika melakukan balingan.

Manakala *Waco Pen* adalah berus batik canting dengan ciri tiga dalam satu iaitu turut disertakan dengan bahan pewarna dan air, sekaligus menjadikannya lebih mudah digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta dapat memastikan kekemasan karya dapat dihasilkan.



# KARNIVAL PERMAINAN TRADISIONAL IPG KAMPUS PENDIDIKAN TEKNIK

Pelajar-pelajar PISMP Semester 4 dan Semester 5 IPG Kampus Pendidikan Teknik (IPGKPT) telah menganjurkan satu Pertandingan Inovasi dalam Karnival Permainan Tradisional pada 23 Mac 2016. Penganjuran Karnival Permainan Tradisional ini adalah sebagai memenuhi sebahagian syarat kerja kursus untuk Kursus PJM3123 Pengurusan dan Pentadbiran Pendidikan Jasmani dan Sukan. Pertandingan ini telah dirasmikan oleh Timbalan Pengarah IPGKPT, Dr. Tajul Ariffin Bin Yang Hussin.

Sebanyak 12 jenis permainan tradisional telah diinovasikan oleh pelajar-pelajar kursus tersebut. Tropikana Sumpit iaitu suatu permainan tradisional Borneo yang diinovasikan telah menjadi Johan dalam pertandingan ini. Satu penulisan akademik telah dihasilkan dan dihantar ke *World Academy of Science, Engineering and Technology* (WASET) untuk Seminar Antarabangsa (ICERI 2016: 18<sup>th</sup> International Conference on Education, Research and Innovation).

Oleh: Dr. Malathi Balakrishnan  
Ketua Jabatan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan  
IPGK Pendidikan Teknik

## “INOVASI DALAM PERMAINAN”



## Objektif

1. Memberi pendedahan tentang kegunaan program SPSS selaras dengan bidang tugas pensyarah di IPG.
2. Meningkatkan kemahiran analisis data menggunakan program SPSS dalam kalangan pensyarah IPG.
3. Memantapkan pengetahuan tentang versi terkini program SPSS (Versi 32)

## Pelaksanaan Bengkel

1. Pengenalan kepada program SPSS versi 32.
2. Input penerangan dan taklimat reka bentuk dan penggunaan program SPSS versi 32.
3. Latihan amali penggunaan program.
4. Perbincangan intepretasi data dan keputusan analisis SPSS.

# BENGGKEL LATIHAN PENGGUNAAN PERISIAN SPSS

## IPG KAMPUS TUN ABDUL RAZAK



Bengkel Latihan Perkembangan Staf (LPS) Penggunaan Perisian SPSS anjuran Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan IPGKTAR telah diadakan pada 24 Mac 2016 di Makmal MBM/MBI yang melibatkan pensyarah-pensyarah IPGKTAR. Bengkel ini telah dikendalikan oleh Cik Zaliha binti Musa dan En. John Brodi.

Program ini adalah bagi memantapkan kompetensi pensyarah-pensyarah IPG dalam melengkapkan diri dengan kemahiran generik berkaitan penyelidikan. SPSS merupakan satu program *software* yang amat berguna dalam menganalisis data kuantitatif atau dapatan kajian, maka amat relevan dikuasai oleh pengamal ilmu seperti guru dan pensyarah. Program ini merupakan susulan daripada bengkel yang dikelolakan oleh pihak IPGM kepada wakil-wakil pensyarah dari IPG di seluruh Malaysia.



# BENGGKEL LATIHAN PENGUNAAN PERISIAN NVIVO

## IPG KAMPUS TUN ABDUL RAZAK

### *Objektif Bengkel*

1. Memberi pendedahan tentang kegunaan program NVIVO selaras dengan bidang tugas pensyarah di IPG.
2. Meningkatkan kemahiran analisis data menggunakan program NVIVO dalam kalangan pensyarah IPG.
3. Memantapkan pengetahuan tentang versi terkini program NVIVO.

Bengkel Latihan Penggunaan Perisian Nvivo anjuran Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan IPGKTAR telah diadakan pada 30 Mac 2016 di Makmal MBM/MBI yang melibatkan pensyarah-pensyarah IPGKTAR. Bengkel ini juga telah dikendalikan oleh Cik Zaliha binti Musa dan En. John Brodi.

NVIVO merupakan satu program *software* yang amat berguna dalam menganalisis data kualitatif atau dapatan kajian, maka amat relevan dikuasai oleh pengamal ilmu seperti guru dan pensyarah. Program ini juga adalah susulan daripada bengkel yang dikelolakan oleh pihak IPGM kepada wakil-wakil pensyarah dari IPG di seluruh Malaysia.

### *Pelaksanaan Bengkel*

1. Pengenalan kepada program NVIVO.
2. Input penerangan dan taklimat rekabentuk dan penggunaan program NVIVO.
3. Latihan amali penggunaan program.
4. Perbincangan intepretasi data dan keputusan analisis NVIVO.



# PERTANDINGAN INOVASI PENDIDIKAN 2016

## IPG KAMPUS PENDIDIKAN ISLAM



Program selama dua hari yang diadakan di Dewan Nik Mohd Mohyideen Musa ini telah disertai oleh 25 kumpulan pelajar, sembilan kumpulan pensyarah (kategori p&p) dan dua kumpulan pensyarah (pengurusan). Pertandingan bertemakan “Kreativiti dan Inovasi Melonjakkan Profesion Keguruan” sebagai meneruskan kecemerlangan tahun sebelumnya, IPGKPI perlu mengadakan program ke arah memantapkan dan memperkemaskan pelaksanaan program latihan perguruan yang lebih cemerlang, di samping ke arah membudayakan pensyarah serta pelajar supaya lebih berinovatif, kreatif, kritis dan produktif selaras dengan kehendak pelanggan (organisasi sekolah).

### KEPUTUSAN PERTANDINGAN INOVASI PENDIDIK IPGKPI 2016

TAJUK	NAMA PESERTA	JABATAN	KATEGORI	PINGAT
PeTAI (Pelengkap Tandas Alaf Islami)	Husin B. Fateh Din Mohammad Nazri B. Omar Misri bin Bohari	UKOKO	Pensyarah (Pengurusan)	Emas
Kit Pintar Nahu	Mohd Solahuddin B Md Nor Khairul Anuar Bin Abu Othman Husaini Bin Kasran	JBA	Pensyarah (p&p)	Emas
Roda Suku Kata	Muhammad Amirul Hakim bin Azahar Alya Amirah binti Ahmad Nasarudin Ajwa Naajihah binti Ahmad Daud  PISMP 2.07 Dr Norliah binti Kasim	PAKK	Pelajar (p&p)	Emas
Smart Soraf	Muhammad Faiz Husaini bin Azlan Muhammad Rabbani Ikkal bin Rosli Jamilah binti Morhad  PPISMP 2.01 Husaini bin Kasran	SORAF	Pelajar (p&p)	Emas

### OBJEKTIF PROGRAM

1. Dapat meningkatkan perkhidmatan yang berkesan, berkualiti dan produktif dalam aspek pengajaran dan pembelajaran melalui inovasi yang dihasilkan.
2. Membudayakan amalan inovasi dalam kalangan semua warga IPG KPI melalui pertandingan inovasi pendidik tahunan seperti ini.
3. Pensyarah dapat memberi bimbingan kepada siswa pendidik supaya mereka membangunkan projek inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran untuk diaplikasikan semasa praktikum atau setelah ditempatkan di sekolah.
4. Memberi galakan dan pengiktirafan secara formal kepada pensyarah Jabatan / Unit, siswa pendidik serta pihak pengurusan di IPG KPI yang berjaya menghasilkan inovasi dan sebagai persediaan kepada penyertaan dalam Pertandingan Inovasi Pendidikan peringkat yang lebih tinggi.

# LAWATAN BALAS & SEMINAR PENDIDIKAN NUSANTARA 2016

## IPG KAMPUS TUN HUSSEIN ONN



**Tarikh:** 9 hingga 14 April 2016

### Aktiviti Lawatan:

- ◆ Sekolah Tinggi Keguruan & Ilmu Pendidikan Siliwangi, Cimahi, Bandung, Indonesia.
- ◆ Sekolah Tinggi Keguruan & Ilmu Pendidikan Pasundan, Cimahi, Bandung, Indonesia.
- ◆ Sekolah Dasar Alam Pelopor
- ◆ Universiti Pendidikan Indonesia, Bandung, Indonesia

**Peserta:** 33 pensyarah

### Agenda:

- ◆ Timbalan Pengarah, Tn Hj. Hassan bin Pardi telah menyampaikan ucap tama.
- ◆ 18 daripada 40 kajian telah dibentangkan secara selari oleh pensyarah– pensyarah IPGKTHO dalam seminar tersebut.

**Anjuran:** Jabatan Penyelidikan & Inovasi Profesionalisme Keguruan, IPGKTHO

### Objektif

Dapat berinteraksi dengan dunia luar melalui program pengantarabangsaaan dan mencapai misi IPGM bagi melahirkan guru yang kompeten dan berjiwa pendidik.



# PERTANDINGAN KREATIVITI DAN INOVASI (CIC) 2016

## IPG KAMPUS TEMENGGONG IBRAHIM

Pada 27 April 2016, bertempat di Dewan Seri Temenggong, IPG Kampus Temenggong Ibrahim Johor, telah berlangsung Pertandingan Kreativiti dan Inovasi (CIC) 2016 peringkat IPGKTI. Matlamat pertandingan CIC ini adalah untuk membudayakan inovasi dan kreativiti serta melonjakkan kecemerlangan warga IPGKTI dengan tema “Inovasi dan Kreativiti Menjana Pendidikan Berkualiti”. CIC peringkat IPGKTI telah disertai oleh 33 orang pensyarah, dua orang staf sokongan serta 77 orang pelajar. 43 booth inovasi telah dipertandingkan dalam tiga kategori iaitu kategori pedagogi pelajar, kategori pedagogi pensyarah dan kategori pengurusan.

### KEPUTUSAN PERTANDINGAN CIC PERINGKAT IPGKTI 2016

TAJUK	NAMA PESERTA	JABATAN	KATEGORI	PINGAT
E-Kerjaya	1. Hemalatha A/P Guindasamy	Jabatan Ilmu Pendidikan	Pedagogi Pelajar	Emas
	2. Sri Letchumy A/P Thamburaj			
	3. Cham Kuai Peng			
	4. Pn. Hjh Rokiah Bt Buyong (Pensyarah Pembimbing)			
Multipurpose E-PJ	1. En. Sallehudin B. Ibrahim	Jabatan Pendidikan	Pedagogi Pensyarah	Emas
	2. Tuan Syed Muhd Kamal B. S.A Bakar	Jasmani		
	3. En. Mohd Zairi B. Husain			
	4. Pn. Noraishah Bt. Yusof			
Bahan Kitar Semula	Shahudin B. Abd Hamid	Unit Khidmat Pengurusan	Pengurusan	Emas
	Rhaimie B. Muhamad			



**ANUGERAH EMAS  
KATEGORI PENGURUSAN**



**ANUGERAH EMAS  
KATEGORI PEDAGOGI PENSYARAH**



# SEMINAR PENYELIDIKAN TINDAKAN PENDIDIK GURU 2016 IPG KAMPUS SULTAN MIZAN



Seminar ini dilaksanakan dengan tema “1 Pensyarah 1 Penyelidikan”. Objektif utama seminar ini dijalankan adalah bagi meningkatkan kepakaran pensyarah dalam bidang penyelidikan tindakan, memupuk budaya mengkaji dan menulis dalam kalangan pensyarah serta membina jenama IPG dalam kalangan pensyarah di peringkat kebangsaan. Seminar ini julung kali diadakan di IPG Kampus Sultan Mizan. Seminar Penyelidikan Tindakan Pendidik Guru 2016 ini berjaya mengumpulkan sebanyak 62 kertas penyelidikan yang dihasilkan oleh para pensyarah dengan kapasiti pensyarah seramai 131 orang. Seminar ini berjaya menghasilkan satu prosiding yang didaftarkan di bawah Perpustakaan Negara dan telah dimuatnaik di url berikut <http://ipgksm.edu.my/haz/prosiding>. IPG Kampus Sultan Mizan juga mengambil peluang untuk melancarkan 12 buku dan jurnal penerbitan IPGKSM bagi tahun 2015.

# Sidang Redaksi

## Penaung

YBrs. Dr. Azian T.S. Abdullah  
Rektor Institut Pendidikan Guru  
Malaysia

## Penasihat

Dr. Hj. Rusmini binti Ku Ahmad  
Pegawai  
Pusat Penyelidikan Pembangunan  
dan Inovasi IPGM

Dr. Ibrahim bin Mohamed Zin  
Ketua Penolong Pegawai  
Pusat Penyelidikan Pembangunan  
dan Inovasi IPGM

## Ketua Editor

Pn. Norsita binti Ali  
Penolong Pegawai  
Pusat Penyelidikan Pembangunan  
dan Inovasi IPGM

## Editor

Pn. Nur Diyana binti Zakariah (PPPI)  
Pn. Saadah binti Sumrah (PPA)



INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
Aras 1-3, Blok 2250  
Jalan Usahawan 1,  
63000 Cyberjaya  
Telefon: +603-83126666  
Faks: 603-83126655

ISSN 0127-9599



9 770127 959000